

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL

TARIKH: 21 MAC 2016

SOALAN:

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah graduan yang menganggur sekarang dan tindakan Kerajaan untuk membantu golongan ini bagi mendapatkan pekerjaan.

PR-1341-L71661

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa berusaha untuk memastikan golongan siswazah dapat diserapkan dalam bidang pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian. Namun ianya bergantung kepada kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara. Tidak dapat dinafikan masih ada siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan walaupun telah beberapa tahun menamatkan pengajian mereka. Berdasarkan statistik, pada 28 Februari 2016 seramai 164,477 orang siswazah telah berdaftar dalam Portal JobsMalaysia sebagai pencari kerja. Dari jumlah tersebut, seramai 90,740 adalah siswazah yang masih belum bekerja, 6,907 adalah siswazah yang bekerja sendiri dan 66,830 adalah siswazah yang sudah bekerja tetapi ingin mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

2. Antara faktor punca siswazah lewat mendapat pekerjaan yang dikenalpasti oleh JTK berdasarkan maklum balas pelbagai pihak terutamanya majikan ialah seperti kurang kemahiran insaniah (soft skills) dan tidak memenuhi kehendak majikan seperti gagal untuk berkomunikasi dengan baik, kurang mahir dalam Bahasa Inggeris, gagal menunjukkan sifat-sifat kepimpinan, pencapaian akademik yang sederhana dan rendah, terlalu memilih pekerjaan dan lokasi pekerjaan serta terlalu mengharapkan pekerjaan di sektor awam.

3. Bagi meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran sesetengah siswazah terutamanya yang mempunyai beberapa kelemahan tertentu, JTK telah melaksanakan aktiviti Program Penyesuaian Kerjaya dimana siswazah akan diperkenalkan dengan modul-modul ujian personaliti, Tips Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume Berkesan, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya. Modul-modul ini terutamanya Tips Menghadiri Temuduga dan Penulisan Resume Berkesan sedikit sebanyak telah berjaya membantu para pencari kerja berjaya dalam proses temuduga.

4. KSM melalui JTK akan terus membantu pencari kerja dengan menggalakkan mereka mendaftarkan dengan Portal JobsMalaysia bagi mencari peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan di dalam portal tersebut. Melalui perkhidmatan ini, pencari kerja-pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut pilihan jawatan, pengalaman dan kelayakan akademik mereka. Dalam masa yang sama JTK akan berterusan mengadakan aktiviti Lawatan Keperluan Gunatenaga bagi mengesan kekosongan jawatan yang wujud dalam Negara dan seterusnya menyalurkan maklumat ini kepada pencari kerja.

5. Program-program lain juga akan terus dilaksanakan oleh pihak Kementerian pada tahun 2016 bagi membantu pencari kerja-pencari kerja dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Komitmen ini dizahirkan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) dengan melibatkan beberapa aktiviti khusus seperti karnival kerjaya,

temuduga terbuka, kembara kerjaya, kerjasama dengan agensi lain, *Holiday Placement For Students* dan Program Penyesuaian Kerjaya.

6. Kementerian melalui JTK juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Skim Latihan 1 Malaysia (SLIM) di bawah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). JTK juga membantu program-program lain yang melibatkan siswazah seperti Program *Talent Corporation* dan *Graduate Employability Scheme (GEMS)*